

POLISI MOTOSIKAL

Kenyataan Penting : SEMUA KEMALANGAN MESTILAH DILAPORKAN KEPADA PIHAK POLIS DALAM MASA 24 JAM

PERJANJIAN KAMI

Kontrak Insurans Pengguna (Insurans sepenuhnya yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion)

Polisi dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari premium yang ditentukan dalam Jadual Polisi dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh pihak Anda pada atau semasa penyerahan borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang Anda berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara Anda dan pihak Kami. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan Anda atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh Anda, hanya remedi yang terdapat dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan diguna pakai.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara Anda dan pihak Kami.

Kontrak Insurans Komersial (Insurans bagi tujuan perdagangan, perniagaan atau profesion)

Polisi dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari premium yang ditentukan dalam Jadual Polisi dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh pihak Anda pada atau semasa penyerahan borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang Anda berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara Anda dan pihak Kami. Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pada pra-kontrak berhubung dengan jawapan Anda atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh Anda, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Anda.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara Anda dan pihak Kami.

SEKSYEN A - KERUGIAN ATAU KEROSAKAN PADA KENDERAAN ANDA

1. Kami akan melindungi Anda sekiranya Kenderaan Anda rosak atau hilang dalam keadaan berikut:-

- (a) berlanggar atau terbalik akibat kemalangan,
- (b) berlanggar atau terbalik akibat kerosakan mekanikal,
- (c) berlanggar atau terbalik akibat haus dan lusuh,
- (d) rosak akibat dihempap oleh objek jatuh, dengan syarat tidak bersabit dengan banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah ataupun konvulsi semula jadi yang lain,
- (e) kebakaran, letupan atau kilat,
- (f) pecah-masuk, pecah rumah atau kecurian, pecah-masuk, pecah rumah atau kecurian tetapi Kami tidak akan melindungi kerugian atau kerosakan pada aksesori (atau mana-mana bahagiannya) dan/atau kerugian atau kerosakan pada mana-mana bahagian Kenderaan Anda kecuali Kenderaan Anda dicuri pada masa yang sama,
- (g) perbuatan niat jahat,
- (h) semasa dalam transit (termasuk semasa punggah memunggah) melalui:
 - (i) jalan raya rel laluan air pedalaman
 - (ii) laluan laut terus merentasi selat antara Pulau Pinang dengan Semenanjung.

2. Asas Penyelesaian

- (a) Kami akan, mengikut pilihan Kami
 - (i) membayar kos memperbaiki Kenderaan Anda, atau
 - (ii) membayar secara tunai, amaun kerugian atau kerosakan Kenderaan Anda, atau
 - (iii) membaik pulih atau mengganti Kenderaan Anda.
- (b) Jumlah maksimum yang akan Kami bayar ialah nilai pasaran Kenderaan Anda pada masa kerugian, atau jumlah diinsuranskan dalam Polisi, mengikut yang mana lebih rendah.
- (c) Sekiranya Kenderaan Anda, pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan, diinsuranskan pada jumlah kurang daripada nilai pasarnya, maka Anda hendaklah dianggap sebagai penanggung insurans sendiri bagi perbezaan tersebut dan hendaklah menanggung perkadaran setimpal bagi kerugian itu. Dengan syarat, ianya tidak akan diterima pakai melainkan nilai pasaran pada masa berlakunya kerugian melebihi jumlah yang diinsuranskan sebanyak 10% atau lebih.
- (d) Nilai pasaran Kenderaan Anda akan ditentukan, sekiranya berlaku pertikaian, oleh Ibu Pejabat Pemegang Francais, dan nilai ini hendaklah sama dengan kos pembelian kenderaan gantian dengan buatan, model dan usia yang sama dengan Kenderaan Anda pada masa kerugian.
- (e) Sekiranya tidak ada Pemegang Francais untuk buatan Kenderaan Anda, maka nilai pasaran kenderaan akan ditentukan oleh Pelaras Kerugian yang didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan perundangan berikutnya yang dipersetujui bersama oleh Anda dan Kami.
- (f) Penilaian yang dibuat oleh Ibu Pejabat Pemegang Francais yang berkenaan atau Pelaras Kerugian yang didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan perundangan berikutnya akan menjadi bukti muktamad berhubung dengan nilai pasaran Kenderaan Anda untuk sebarang prosiding undang-undang terhadap Kami.
- (g) Jumlah maksimum yang akan Kami bayar bagi kos pembaikan terhadap Kenderaan Anda adalah perbelanjaan yang perlu ditanggung bagi memulihkan kerosakan Kenderaan Anda kepada keadaan sebelum kemalangan (atau kepada keadaan yang se hampir mungkin yang munasabah seperti sebelum kemalangan). Sekiranya alat francais baru digunakan, Anda akan menanggung bahagian "betterment" atas penggantian alat francais mengikut skala berikut:-

Umur Kenderaan/Tahun	Kadar untuk "Betterment" (Tidak melebihi % berikut)
Kurang dari 5 tahun	0
5	15
6	20
7	25
8	30
9	35
10 dan ke atas	40

Asas berikut hendaklah digunakan dalam menentukan umur kenderaan:-

	Umur kenderaan berdasarkan pada:-
Kenderaan Baru.....	Tarikh Pendaftaran
Kenderaan tempatan terpakai/telah digunakan	Tarikh Pendaftaran Asal
Kenderaan Import terpakai/telah digunakan	Tahun Buatan
Kenderaan Import "reconditioned"	Tahun Buatan

Pengenaaan "betterment" adalah atas budi bicara Kami. Skala "betterment" merupakan kadar maksimum "betterment" yang boleh diguna pakai.

POLISI MOTOSIKAL

Kenyataan Penting : SEMUA KEMALANGAN MESTILAH DILAPORKAN KEPADA PIHAK POLIS DALAM MASA 24 JAM

3. Pengangkutan Kenderaan Yang Rosak

Kami akan membayar Anda sehingga maksimum RM50.00 sebagai Upah Tunda untuk membawa Kenderaan Anda, sama ada ke Bengkel Membaiki Kereta yang terdekat, atau menunda kenderaan untuk dihantar pulang ke alamat Anda seperti dinyatakan di dalam Jadual, atau menunda ke tempat selamat untuk disimpan, dengan syarat kerosakan Kenderaan Anda diakibatkan oleh keadaan seperti yang dinyatakan dalam Seksyen ini.

4. Pengecualian kepada Seksyen A

Kami TIDAK akan membayar bagi:

- (a) segala kerugian turutan.
- (b) kehilangan kegunaan Kenderaan Anda.
- (c) susut nilai, haus dan lusuh, karat dan kakisan, kerosakan mekanikal atau elektrik atau elektronik, kepincangan tugas peralatan atau komputer, kegagalan atau pecahnya mana-mana bahagian Kenderaan Anda.
- (d) kerosakan pada tayar Kenderaan Anda, kecuali Kenderaan Anda rosak pada masa yang sama
- (e) apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh, atau berpunca daripada perbuatan menipu/pecah amanah jenayah oleh seseorang mengikut makna definisi kesalahan menipu/pecah amanah jenayah seperti yang terdapat di dalam Kanun Keseksaan.
- (f) lebihan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.
- (g) kegagalan atau ketidakupayaan mana-mana peralatan atau program komputer untuk mengenal atau mentafsir dengan betul atau memproses mana-mana tarikh sebagai tarikh benar atau betul atau untuk terus berfungsi dengan betul selepas tarikh itu.

SEKSYEN B: LIABILITI TERHADAP PIHAK KETIGA

1. Kami akan melindungi Anda atau penunggang yang Anda beri kuasa untuk suatu amaun yang Anda atau penunggang yang Anda beri kuasa perlu bayar mengikut undang-undang (termasuk kos dan perbelanjaan pihak yang menuntut) terhadap kemalangan yang disebabkan oleh atau berpunca daripada penggunaan Kenderaan Anda atau berkaitan dengan punggah-memunggah daripadanya bagi:-

- a) kematian atau kecederaan anggota kepada mana-mana orang kecuali yang dinyatakan secara khusus di bawah Pengecualian kepada Seksyen B.
- b) kerosakan kepada harta akibat kemalangan yang berpunca daripada penggunaan Kenderaan Anda dengan syarat penunggang yang Anda beri kuasa juga mematuhi semua terma dan syarat polisi seperti yang dikenakan ke atas Anda.

2. Had Liabiliti Kami

Jumlah keseluruhan liabiliti Kami di bawah Seksyen B1(a) adalah tidak terhad.

berhubung dengan mana-mana tuntutan atau satu siri tuntutan yang timbul daripada satu peristiwa.

Jumlah keseluruhan liabiliti Kami di bawah Seksyen B1(b) adalah terhad kepada RM3 juta

3. Perlindungan untuk Wakil Di sisi Undang-Undang

Berikutan kematian mana-mana orang yang dilindungi di bawah Polisi ini, Kami akan menanggung rugi wakil di sisi undang-undang orang tersebut untuk liabiliti yang di lindungi di bawah Seksyen ini, dengan syarat wakil berkenaan mematuhi semua terma dan syarat polisi.

4. Kos Undang-Undang

Kami akan membayar kos undang-undang tertanggung sehingga maksimum RM2,000.00 untuk membela mana-mana pertuduhan termasuk pertuduhan menyebabkan kematian dengan menunggang Kenderaan Bermotor (selain daripada pembunuhan), sekiranya persetujuan bertulis Kami telah diperolehi terlebih dahulu.

Pengecualian kepada Seksyen B

Kami TIDAK akan membayar bagi:

- (a) kematian atau kecederaan anggota ke atas mana-mana orang atau kerosakan kepada harta disebabkan atau berpunca di luar had mana-mana laluan kenderaan atau jalan raya awam berkaitan dengan pemunggahan ke atas dan daripada Kenderaan Anda.
- (b) kematian atau kecederaan anggota mana-mana orang yang kematian atau kecederaan tersebut berlaku berpunca daripada dan semasa orang berkenaan bekerja dengan Anda atau penunggang yang Anda beri kuasa.
- (c) kematian atau kecederaan anggota mana-mana orang yang sedang dibawa di dalam atau sedang menaiki atau masuk atau turun dari Kenderaan Anda (kecuali dia dikehendaki dibawa di dalam atau di atas Kenderaan Anda dengan sebab atau bagi tujuan melaksanakan kontrak pekerjaannya dengan Anda dan/atau pemandu yang Anda beri kuasa dan/atau majikannya).
- (d) kerosakan terhadap harta kepunyaan, atau di bawah jagaan atau di bawah kawalan atau diamanahkan kepada Anda dan/atau pemandu yang Anda beri kuasa dan/atau mana-mana ahli keluarga Anda dan/atau mana-mana ahli keluarga pemandu yang Anda beri kuasa.
- (e) apa-apa tuntutan yang dibawa ke mahkamah terhadap mana-mana orang di mana-mana negara di luar Malaysia, Republik Singapura, atau Negara Brunei Darussalam.
- (f) semua kos dan perbelanjaan perundangan yang tidak tertanggung atau boleh dituntut balik di Malaysia, Republik Singapura, atau Negara Brunei Darussalam.

DISKAUN TANPA TUNTUTAN

Jika tiada tuntutan dibuat atau timbul daripada polisi Anda dan dengan syarat Kenderaan Anda diinsuranskan dengan Kami untuk tempoh berterusan selama 12 bulan di dalam setiap keadaan dibawah ini, Anda layak mendapat Diskaun Tanpa Tuntutan semasa membaharui Polisi Anda seperti berikut:-

<u>Tempoh Insuras</u>	<u>Diskaun</u>
Selepas tahun pertama insurans	15%
Selepas tahun kedua insurans	20%
Selepas tahun ketiga atau lebih insurans	25%

Jika Kami bersetuju memindahkan kepentingan dalam Polisi ini, tempoh kepentingan di atas nama Anda tidak akan terakru untuk manfaat pemilik baharu. Jika lebih daripada satu Kenderaan Bermotor yang dinyatakan di dalam Jadual, Diskaun Tanpa Tuntutan hendaklah diguna pakai seolah-olah satu Polisi yang berasingan telah dikeluarkan berhubung dengan setiap Kenderaan Bermotor berkenaan.

PENGELAKAN SESETENGAH TERMA DAN HAK TUNTUT BALIK

1. Hak Anda atau hak mana-mana orang lain untuk memperolehi indemniti berdasarkan Perundangan atau Perjanjian yang dimeterai antara Menteri Pengangkutan bagi Pihak Kerajaan Malaysia dengan "Motor Insurers' Bureau of West Malaysia" pada 30 Mac, 1992, atau Perjanjian yang dimeterai antara Kerajaan Singapura dengan "Motor Insurers' Bureau of Singapore" pada 22 Februari 1975, tidak akan terjejas walau apa pun.
2. Walau bagaimanapun, sekiranya Kami dikenakan apa-apa bayaran akibat Perundangan atau Perjanjian tersebut yang jika tidak kerananya Kami tidak ada liabiliti untuk membayar, Anda hendaklah membayar balik kepada Kami wang yang telah Kami bayar itu.
3. Sekiranya tuntutan Kerosakan Sendiri telah dibayar dan tuntutan Kerosakan Harta Pihak Ketiga juga telah dibuat, Anda dikehendaki menyerahkan dan/atau memulangkan kepada Kami apa-apa jumlah yang telah dibayar kepada Anda, yang mana kegagalan untuk berbuat demikian Kami berhak mendapatkan kembali jumlah yang telah dibayar dan apa-apa akibat langsung kos bayaran atau perbelanjaan tertanggung.

POLISI MOTOSIKAL

Kenyataan Penting : SEMUA KEMALANGAN MESTILAH DILAPORKAN KEPADA PIHAK POLIS DALAM MASA 24 JAM

PENGECUALIAN AM - DITERIMA PAKAI UNTUK KESELURUHAN POLISI

Kami TIDAK akan membayar apa-apa liabiliti dalam keadaan berikut:

1. Jika Anda atau mana-mana orang yang Anda beri kebenaran tidak mempunyai lesen untuk menunggang kenderaan tersebut kecuali sekiranya Anda atau mana-mana orang yang Anda beri kebenaran pernah memegang dan tidak hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan lesen untuk menunggang kenderaan Anda di bawah mana-mana undang-undang, undang-undang kecil dan peraturan yang diperlukan.
2. Jika Anda atau penunggang yang Anda beri kuasa menunggang Kenderaan Anda di bawah pengaruh minuman keras atau dadah sehingga tahap yang menyebabkan tidak dapat mengawal Kenderaan Anda.
3. (a) Apa-apa kerugian, kerosakan atau liabiliti disebabkan oleh Kenderaan Anda yang digunakan untuk tujuan yang tidak sah di sisi undang-undang atau telah digunakan selain yang diperuntukkan di bawah Had Penggunaan oleh Anda atau oleh orang lain dengan persetujuan Anda.
(b) Apa-apa kemalangan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang disebabkan, dialami atau ditanggung semasa Kenderaan Anda, berhubung dengan indemniti yang diperuntukkan di bawah Polisi ini telah ditanggung oleh mana-mana orang selain penunggang yang dibenarkan atau seseorang yang menunggang dengan arahan Anda atau dengan kebenaran Anda.
4. Jika apa-apa kerugian, kerosakan atau liabiliti disebabkan oleh serangan, peperangan (sama ada peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan), operasi seakan peperangan, perbuatan musuh asing, permusuhan, peperangan sivil, perbuatan ganas, mogok, rusuhan, kekecohan awam, dahagi, pemberontakan, revolusi tentera atau rampasan kuasa sama ada diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh keadaan-keadaan yang tersebut di atas.
5. Jika kerugian, kerosakan atau liabiliti yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau diakibatkan oleh atau timbul akibat banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah atau konvulsi semula jadi lain.
6. Jika kenderaan Anda digunakan untuk atau semasa diuji sebagai persediaan untuk mana-mana perlumbaan atau pertandingan. Ini termasuk (tetapi tidak terhad kepada) ujian kebolehpercayaan, ujian mendaki bukit dan rali.
7. Jika berlaku apa-apa kemalangan atau kerosakan, Kenderaan Anda ditinggalkan tanpa dijaga dan tiada langkah sewajarnya diambil bagi menghalang kerugian atau kerosakan selanjutnya, dan jika Kenderaan Anda ditanggung dalam keadaan ia tidak layak digunakan di jalan raya sebelum pembaikan yang perlu dibuat, apa-apa kerosakan tambahan atau kerosakan selanjutnya pada Kenderaan Anda akan dikecualikan daripada perlindungan Polisi ini.
8. Apa-apa kerosakan kerugian kemalangan atau liabiliti yang disebabkan dialami atau bertanggung di luar Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam. Bagi liabiliti di Malaysia, pengehadan-pengehadan Akta diterima pakai.
9. Jika apa-apa liabiliti berbangkit daripada sesuatu perjanjian yang mana tanpa perjanjian tersebut Kami tidak ada liabiliti.
10. (a) Apa-apa kemalangan kerugian atau kerosakan pada mana-mana harta walau apa pun atau apa-apa kerugian atau perbelanjaan walau apa pun akibat atau timbul daripadanya atau apa-apa kerugian turutan.
(b) Apa-apa liabiliti walau apa pun sifatnya yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau diakibatkan oleh atau timbul daripada pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran termasuk apa-apa proses pembelahan nuklear yang mampu diri.
11. Apa-apa kemalangan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau diakibatkan oleh atau timbul daripada bahan dan senjata nuklear.

Jika terdapat undang-undang dinyatakan di dalam seksyen Polisi bertajuk 'Pengelakan Sesetengah Terma dan Hak Tuntut Balik' atau di dalam Jadual Polisi di bawah tajuk 'Perundangan', semua rujukan kepada Seksyen tertentu undang-undang sedemikian adalah dianggap terbatal supaya rujukan kepada undang-undang sedemikian akan diterima pakai pada setiap undang-undang keseluruhannya.

SYARAT - DITERIMA PAKAI UNTUK KESELURUHAN POLISI

1. KEWAJIPAN PENDEDAHAN

Kontrak Insurans Pengguna

Apabila Anda telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan Anda, perniagaan atau profesion Anda, Anda mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) seperti contoh, Anda perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang Anda tahu akan mempengaruhi keputusan pihak Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans Anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

Kontrak Insurans Komersial

Apabila Anda telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda mempunyai kewajiban untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Anda tahu yang akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Anda.

Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans Anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

Anda mestilah mematuhi dan memenuhi Terma, Syarat, Pengendorsan, Fasal atau Waranti Polisi.

2. KEMALANGAN DAN PROSEDUR TUNTUTAN

(a) Kami mestilah diberitahu secara bertulis atau melalui telefon dalam mana-mana kes dengan butiran kenderaan-kenderaan yang terlibat, tarikh kemalangan dan, jika mungkin, gambaran ringkas keadaan kemalangan tersebut dalam jangka waktu yang dicatatkan seperti berikut selepas kejadian yang mungkin menjadi subjek sesuatu tuntutan di bawah Polisi ini.

a) Dalam tempoh tujuh (7) hari jika Anda dari segi fizikal berupaya atau tidak dimasukkan ke hospital berikutan kejadian itu.

b) Dalam tempoh tigapuluh (30) hari atau secepat yang praktikal jika Anda dari segi fizikal tidak berupaya dan dimasukkan ke hospital disebabkan kejadian itu.

c) Selain dari a) dan b), tempoh pemberitahuan lebih panjang mungkin dibenarkan tertakluk kepada bukti khusus oleh Anda.

(b) Sekiranya kenderaan Anda dilanggar oleh kenderaan Pihak Ketiga, Anda boleh merujuk tuntutan untuk kos pembaikan tersebut kepada Kami. Kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan Anda tidak akan terjejas sekiranya Kami memutuskan Anda tidak bersalah. Keputusan mengenai kesalahannya adalah mengikut budi bicara Kami sepenuhnya. Dengan syarat kenderaan Pihak Ketiga itu berinsurans, boleh dikenal pasti dan/atau bukan kenderaan digunakan untuk membawa penumpang bagi tujuan sewaan atau ganjaran (misalnya teksi, kereta sewa,

POLISI MOTOSIKAL

Kenyataan Penting : SEMUA KEMALANGAN MESTILAH DILAPORKAN KEPADA PIHAK POLIS DALAM MASA 24 JAM

bas awam, bas berhenti-henti, bas sekolah dan bas kilang untuk sewaan), bukan kenderaan yang diinsuranskan oleh bukan Penanggung Insurans Malaysia dan tidak terlibat dengan tuntutan kecederaan peribadi.

- (c) Semua kemalangan mestilah dilapor kepada pihak Polis seperti yang dikehendaki oleh undang undang.
- (d) Setiap komunikasi, writ, saman dan/atau proses daripada pihak yang lain mestilah dihantar kepada Kami serta-merta. Anda juga mesti tanpa berlengah memberitahu Kami sekiranya Anda tahu apa-apa pendakwaan, inkuies atau siasatan maut yang mungkin berbangkit. Sekiranya terjadi kecurian atau perbuatan lain yang boleh membawa kepada tuntutan di bawah Polisi ini, Anda mestilah tanpa berlengah membuat laporan kepada Polis dan bekerjasama dengan Kami dalam memastikan sabitan pesalah.
- (e) Perundingan, Pengakuan, atau Penolakan apa-apa tuntutan tidak boleh dibuat tanpa persetujuan bertulis daripada Kami terlebih dahulu.
- (f) Kami mempunyai budi bicara sepenuhnya terhadap pengendalian, pembelaan dan/atau penyelesaian mana-mana tuntutan.
- (g) Pembaikan Kenderaan Anda tidak boleh dilakukan tanpa kebenaran bertulis daripada Kami terlebih dahulu.
- (h) Dalam mana-mana peristiwa yang membawa kepada tuntutan atau satu siri tuntutan di bawah Seksyen B1(b) Polisi ini, Kami boleh membayar Anda amaun sepenuh liabiliti Kami mengikut Seksyen B1(b) dan melepaskan pengendalian apa-apa pembelaan, penyelesaian atau prosiding, dan Kami tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian yang dikatakan Anda alami akibat daripada mana-mana tindakan atau peninggalan yang dikatakan telah Kami lakukan berkaitan dengan pembelaan, penyelesaian atau prosiding tersebut atau kerana Kami telah melepaskan pengendalian berkenaan begitu juga Kami tidak akan menanggung apa-apa kos atau perbelanjaan yang Anda tanggung atau oleh mana-mana pihak yang menuntut atau sesiapa sahaja selepas Kami melepaskan pengendalian berkenaan.

3. PEMBATALAN

- (a) Anda boleh membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberitahu Kami secara bertulis.
- (b) Kami juga boleh membatalkan Polisi ini dengan memberi Anda notis 14 hari secara bertulis melalui surat berdaftar kepada alamat Anda yang terakhir.
- (c) Anda hendaklah dalam tempoh tujuh hari dari tarikh pembatalan di bawah perenggan (a) atau (b) di atas, menyerahkan sijil insurans asal kepada Kami atau, menyediakan untuk Kami satu akuan berkanun jika sijil berkenaan telah hilang atau musnah atau tidak diterima oleh Anda.
- (d) Sekiranya pembatalan diminta oleh Anda (asalkan tidak ada tuntutan dibuat dalam Tempoh Insurans berkenaan), Anda adalah layak mendapat bayaran balik premium berdasarkan kadar jangka pendek biasa Kami dikira dari tarikh penerimaan sijil asal atau akuan berkanun sekiranya sijil berkenaan telah hilang atau musnah atau tidak diterima oleh Anda seperti yang berikut:-

Tempoh Insurans	Kadar Bayaran Balik Premium %
Tidak melebihi 1 minggu	87.5 daripada premium tahunan
" " 1 bulan	75.0 " " "
" " 2 bulan	62.5 " " "
" " 3 bulan	50.0 " " "
" " 4 bulan	37.5 " " "
" " 6 bulan	25.0 " " "
" " 8 bulan	12.5 " " "
Melebihi 8 bulan	Tiada bayaran balik premium dibenarkan

- (e) Sekiranya pembatalan dibuat oleh Kami, Anda layak mendapat bayaran balik premium secara prorata bagi tempoh yang belum tamat dikira dari tarikh penerimaan sijil asal atau akuan berkanun sekiranya sijil berkenaan telah hilang atau musnah atau tidak diterima oleh Anda.
- (f) Tiada bayaran balik premium bagi sebarang pembatalan polisi sekiranya premium yang dikenakan adalah premium minimum.

4. INSURANS LAIN

Anda mestilah memberikan notis bertulis kepada Kami jika Anda mempunyai apa-apa insurans lain yang melindungi Kenderaan Anda. Jika pada masa apa-apa tuntutan timbul di bawah Polisi ini, terdapat sebarang polisi lain yang melindungi kerugian, kerosakan atau liabiliti yang sama, Kami akan hanya membayar mengikut perkadaran setimpal bagi mana-mana kerugian, kerosakan, pampasan, kos atau perbelanjaan. Walau bagaimanapun, tiada apa-apa dalam Syarat ini yang mengenakan Kami apa-apa liabiliti yang Kami tidak tertakluk kepada syarat tersebut.

5. SUBROGASI

Sekiranya perlu, Kami berhak untuk mengambil alih atas perbelanjaan Kami sendiri terhadap pengendalian pembelaan atau penyelesaian mana-mana tuntutan atas nama Anda atau mendakwa atas nama Anda untuk kepentingan Kami mana-mana indemniti atau kerugian atau sebaliknya dan Kami mempunyai budi bicara mutlak dalam pengendalian sebarang prosiding dan dalam penyelesaian mana-mana tuntutan, dan Anda hendaklah memberi semua maklumat dan bantuan yang berkenaan seperti mana yang Kami perlukan.

6. FASAL TIMBANG TARA

Semua pertelingkahan yang timbul daripada polisi ini akan dirujuk kepada Penimbang Tara yang akan dilantik secara bertulis oleh Anda dan Kami. Sekiranya Anda dan Kami tidak dapat bersetuju dalam menentukan siapakah Penimbang Tara dalam masa satu bulan yang diperlukan untuk berbuat demikian secara bertulis, maka Anda dan Kami layak untuk melantik Penimbang Tara masing masing yang akan mendengar pertelingkahan ini bersama-sama dengan seorang Pengadil yang dilantik oleh kedua-dua Penimbang Tara. Walau bagaimanapun disyaratkan bahawa mana-mana penafian tuntutan liabiliti oleh Kami bagi sebarang tuntutan mestilah dirujuk kepada PenimbangTara dalam masa dua belas bulan kalendar dari tarikh penafian tuntutan Kami kepada Anda.

7. HAL LAIN

Polisi ini hanya akan berkuat kuasa sekiranya:

- (a) Sesiapa yang menuntut perlindungan telah mematuhi semua Terma, Syarat, Pengendorsan, Fasal atau Waranti.
- (b) Anda telah mengambil semua langkah pencegahan yang sewajarnya bagi menjaga Kenderaan Anda supaya dalam keadaan selamat dan layak dipandu di jalanraya.
- (c) Anda telah mengambil langkah pencegahan yang sewajarnya bagi menjaga Kenderaan Anda daripada kerugian atau kerosakan.
- (d) Anda mesti membenarkan Kami memeriksa Kenderaan Anda pada bila-bila masa yang wajar.

DEFINISI ISTILAH DI DALAM POLISI

1. Kami merujuk kepada Syarikat Insurans.
2. Anda merujuk kepada Pemegang Polisi dan/atau Pihak Diinsuranskan.
3. Kenderaan Anda merujuk kepada Kenderaan itu, aksesori standard pemasangan di kilang dan apa apa aksesori tambahan lain seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi.
4. Aksesori merujuk kepada alat standard kenderaan bermotor, termasuk penyaman udara dan tayar ganti, dan boleh termasuk radio/pemain kaset/pemain cakera padat dan seumpamanya jika tercatat di dalam Jadual.
5. Ahli keluarga Anda merujuk kepada semua ahli keluarga Anda yang terdekat (yakni suami/isteri, anak-anak termasuk anak angkat yang sah, ibu bapa, dan adik-beradik).
6. Penipuan seperti yang didefinisikan di dalam Kanun Kesiksaan adalah seperti yang berikut:
Barang siapa dengan memperdayakan mana-mana orang, sama ada atau tidak perdayaan tersebut ialah dorongan tunggal atau utama:-
(a) dengan fraud atau dengan curang mendorong orang yang diperdayakan demikian untuk menghantar apa-apa harta kepada mana-mana orang, atau bersetuju bahawa mana mana orang boleh menyimpan apa-apa harta, atau

POLISI MOTOSIKAL

Kenyataan Penting : SEMUA KEMALANGAN MESTILAH DILAPORKAN KEPADA PIHAK POLIS DALAM MASA 24 JAM

- (b) dengan sengaja mendorong orang yang diperdayakan demikian membuat atau meninggalkan untuk membuat apa-apa yang mana orang itu tidak akan buat atau meninggalkan untuk dibuat jika ia tidak diperdayakan demikian dan tindakan atau peninggalan yang mana menyebabkan atau mungkin menyebabkan kerosakan atau mudarat kepada badan, ingatan, reputasi atau harta mana-mana orang, adalah dikatakan "menipu".
7. Pecah amanah jenayah seperti yang didefinisikan di dalam Kanun Kesiksaan adalah seperti berikut:
8. Barang siapa, yang dengan apa-apa cara telah diamanahkan dengan harta sama ada sendirian atau bersesama dengan mana-mana orang lain, atau dengan apa-apa kuasa atas harta, dengan curangnya menyalahgunakan, harta itu atau menjadikannya bagi kegunaannya sendiri, atau dengan curangnya menggunakan, atau melepaskan harta itu dengan melanggar apa-apa arahan undang-undang yang menetapkan cara bagaimana amanah itu kena disempurnakan, atau apaapa kontrak di sisi undang-undang, yang nyata atau yang disifatkan ada, yang ia telah buat mengenai penyempurnaan amanah itu, atau dengan bersengaja membiarkan mana-mana orang lain berbuat demikian itu, adalah melakukan "pecah amanah jenayah".
9. Takrif perbuatan ganas
- Bermakna sesuatu perbuatan termasuk tetapi tidak terbatas kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ugutan oleh mana-mana orang atau kumpulan, sama ada secara persendirian atau bagi pihak orang lain atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, komited kerana politik, agama, ideologi atau tujuan-tujuan seperti ini termasuk bermaksud untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk membuat orang awam atau mana-mana pihak awam berada dalam ketakutan.

Endorsmen, waranti atau perluasan yang berikutnya adalah tidak berkaitan melainkan dinyatakan di dalam Jadual Polisi, di dalam kes dimana endorsmen, waranti atau perluasan dinyatakan adalah menjadi sebahagian daripada Polisi ini.

ENDORSMEN 3(p) – PIHAK KETIGA SAHAJA

Perlindungan dalam Polisi ini dihadkan kepada Pihak Ketiga sahaja yakni Seksyen B (LIABILITI TERHADAP PIHAK KETIGA).
Seksyen A (KERUGIAN ATAU KEROSAKAN PADA KENDERAAN ANDA) dibatalkan.
Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

ENDORSMEN 3 (q) – PIHAK KETIGA KEBAKARAN DAN KECURIAN

Perlindungan dalam Polisi ini dihadkan kepada Pihak Ketiga Kebakaran dan Kecurian sahaja.
Seksyen A (KERUGIAN ATAU KEROSAKAN PADA KENDERAAN ANDA) polisi ini akan melindungi Anda jika kenderaan Anda rosak atau hilang disebabkan oleh kebakaran, letupan, kilat, pecah-masuk, pecah rumah atau kecurian dan Seksyen B (LIABILITI TERHADAP PIHAK KETIGA).
Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

ENDORSMEN 15 – SEWA BELI

Kami telah mengambil perhatian dan bersetuju bahawa Syarikat Sewa Beli sepertimana tercatat di dalam Jadual (selepas ini dirujuk sebagai Pemilik) adalah Pemilik Kenderaan Anda di bawah satu Perjanjian Sewa Beli yang dibuat antara Pemilik dan Anda. Apa-apa bayaran untuk kerugian atau kerosakan terhadap Kenderaan Anda (yang kerugian atau kerosakan tersebut tidak dipulihkan dengan pembaikan, pengembalian semula atau penggantian) di bawah Seksyen A Polisi ini akan dibayar kepada Pemilik selagi mereka masih menjadi Pemilik Kenderaan Anda. Penerimaan bayaran tersebut oleh mereka hendaklah merupakan pelepasan penuh dan muktamad kepada Kami atas kerugian atau kerosakan sedemikian. Polisi ini dikeluarkan kepada Anda sebagai pihak prinsipal dan bukan sebagai ejen atau pemegang amanah bagi Pemilik dan tidak sebagai suatu penyerahan hak oleh Anda kepada Pemilik akan hak, manfaat atau tuntutan Anda di bawah Polisi ini. Anda tidak boleh menyerahkan hak manfaat dan tuntutan Anda di bawah Polisi ini tanpa keizinan bertulis terlebih dahulu daripada Kami.
Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

ENDORSMEN 15 (a) – PINJAMAN MAJIKAN

Kami telah mengambil perhatian dan bersetuju bahawa Majikan Anda sepertimana tercatat di dalam Jadual mempunyai kepentingan atas wang yang kena dibayar kepada Anda melalui Polisi ini berhubung dengan kerugian atau kerosakan terhadap Kenderaan Anda (yang kerugian atau kerosakan tersebut tidak dipulihkan dengan pembaikan, pengembalian semula atau penggantian) dan wang sedemikian hendaklah dibayar kepada Majikan Anda sepertimana tercatat di dalam Jadual sehingga notis diberikan kepada Kami bahawa mereka tidak mempunyai sebarang kepentingan kewangan ke atas Kenderaan Anda, dan penerimaan oleh mereka hendaklah merupakan pelepasan penuh dan muktamad akan liabiliti Kami berhubung dengan kerugian atau kerosakan sedemikian.
Melainkan melalui pengendorsan ini tidak ada apa dalam ini yang akan mengubah atau menjejaskan hak dan liabiliti Kami/Anda di bawah Polisi ini.
Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

ENDORSMEN 30 – PENGANTIAN ALAT GANTI

Sekiranya alat ganti atau aksesori bagi membaiki Kenderaan Anda tidak terdapat di Malaysia, atau jika Kami menjalankan opsyen Kami untuk membayar secara tunai bagi kerugian atau kerosakan, maka liabiliti Kami bagi alat ganti/aksesori sedemikian hendaklah

(a) harga yang disebut di dalam katalog terkini atau senarai harga yang dikeluarkan oleh pembuat atau ejen mereka, atau sekiranya tidak wujud katalog yang sedemikian, harga di tempat kerja pembuat termasuk kos pengangkutan yang munasabah (kecuali fret udara)

dan (b) kos yang munasabah bagi memasang alat ganti/aksesori sedemikian.
Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

ENDORSMEN 57 – MEMASUKKAN PERIL KHAS

Sebagai balasan bagi bayaran premium tambahan daripada Anda kepada Kami, Seksyen A Polisi ini melindungi Anda daripada peril berikut:- Banjir, Taufan, Hurikan, Ribut, Ribut Kencang, Letusan Gunung Berapi, Gempa Bumi, Tanah Runtuh, Gelinciran Tanah, Penurunan atau Penenggelaman Tanah ataupun Konvulsi semulajadi lain.
Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

ENDORSMEN 94 – LEBIHAN WAJIB – TUNTUTAN KEROSAKAN

Anda bertanggungjawab bagi amaun yang pertama bagi setiap dan tiap-tiap tuntutan yang kena bayar di bawah Seksyen A polisi ini.
Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

ENDORSMEN 94 – LEBIHAN WAJIB – LEBIHAN BAGI TUNTUTAN KERUGIAN ATAU KEROSAKAN (berkuatkuasa 16/07/2012)

Anda bertanggungjawab bagi amaun yang pertama bagi setiap dan tiap-tiap tuntutan yang kena bayar di bawah Seksyen A polisi ini.
Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

ENDORSMEN 107 – BENGKEL MOTOSIKAL YANG DIBENARKAN OLEH PENANGGUNG INSURANS

Sekiranya motosikal Anda terlibat dalam kemalangan yang menyebabkan tuntutan, motosikal Anda mestilah dihantar kepada bengkel motosikal yang diluluskan oleh Kami untuk pembaikan. Kegagalan untuk menghantar motosikal Anda ke bengkel motosikal yang diluluskan adalah merupakan pelanggaran Pengendorsan ini dan Kami mempunyai hak untuk menolak liabiliti di bawah Seksyen A polisi ini.
Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

ENDORSMEN 108 - PERLINDUNGAN LIABILITI PENUMPANG

Sebagai balasan bagi bayaran premium tambahan, liabiliti di bawah Seksyen B1(a) polisi ini diperluaskan untuk melindungi kematian atau kecederaan anggota kepada mana-mana orang (yang bukan ahli keluarga Anda atau ahli keluarga pemandu yang Anda beri kuasa) yang dibawa dalam atau atas atau masuk atau naik atau turun daripada kenderaan bermotor berkenaan.
Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

POLISI MOTOSIKAL

Kenyataan Penting : SEMUA KEMALANGAN MESTILAH DILAPORKAN KEPADA PIHAK POLIS DALAM MASA 24 JAM

Endorsmen, waranti atau perluasan yang berikutnya adalah tidak berkaitan melainkan dinyatakan di dalam Jadual Polisi, di dalam kes dimana endorsmen, waranti atau perluasan dinyatakan adalah menjadi sebahagian daripada Polisi ini.

ENDORSMEN 109 - PELUASAN PERLINDUNGAN TRANSIT FERI ANTARA SABAH DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Kami akan melindungi Anda di bawah Seksyen A Polisi ini, jika Kenderaan Anda rosak atau hilang semasa dalam transit antara Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Sekiranya berlaku sebarang tuntutan di bawah peluasan ini, Anda bertanggungjawab bagi setiap dan tiap-tiap tuntutan Lebih sebanyak 1% daripada Jumlah Diinsuranskan atau RM500 (yang mana lebih tinggi) sebagai tambahan kepada Lebih yang dinyatakan di dalam jadual. Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

CUKAI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN ('GST')

Dimaklumkan bahawa Cukai Barangan dan Perkhidmatan ('GST') akan dikuatkuasakan oleh Kerajaan Malaysia pada 1 April 2015 pada kadar enam (6) peratus.

AmGeneral Insurance Berhad berhak memungut sejumlah amaun bayaran GST yang berpatutan keatas premium yang ditetapkan semasa tempoh polisi, atau sekiranya tempoh polisi bermula sebelum dan berakhir selepas 1 April 2015, memungut daripada pemegang polisi amaun GST keatas premium yang dikira secara pro-rata mulai 1 April 2015.

Kewajipan pembayaran GST hendaklah tertakluk kepada Terma dan Syarat di dalam polisi insurans.

NOTA PENTING

1. Pihak Diinsuranskan hendaklah membaca Polisi ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau keterangan yang salah, atau jika nota perlindungan tidak memenuhi kehendak Pihak Diinsuranskan, Pihak Diinsuranskan hendaklah memberitahu kepada Syarikat dan mengembalikan Polisi untuk membuat pembetulan sewajarnya.
2. Pihak Diinsuranskan yang tidak berpuashati dengan segala tindakan atau keputusan Syarikat boleh memperoleh rujukan atau bantuan dengan Biro Pengantara Kewangan atau seterusnya menghadap kepada Jabatan Konsumer dan Amalan Pasaran, Bank Negara Malaysia, seperti alamat di bawah:

a. Financial Mediation Bureau (FMB)
Level 25, Dataran Kewangan Darul Takaful
No. 4 Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
Tel : 03 2272 2811
Faks : 03 2274 5752

b. Jabatan Konsumer dan Amalan Pasaran
Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel : 03 2698 8044
Faks : 03 2693 4051